

Sirkit Cabaran Mendaki Gunung Negeri Sembilan



Anjurai



Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus

Dengan Kerjasama

Unit Penggalakan Pelancongan Negeri Sembilan

Jabatan Perhutanan Negeri

Pejabat Daerah Rembau

Pejabat Daerah Tampin

Pejabat Daerah Jelebu

Pejabat Daerah Kuala Pilah

Jabatan Belia & Sukan N.Sembilan



Persatuan Mendaki Dan Kegiatan Luar Negeri Sembilan

Borang Penyertaan

Gunung Datuk

29 March 2008
Hutan Lipur Gng Datok

Gunung Tampin

6 April 2008
Hutan Lipur Gng Tampin

Gunung Telapak Burok

10 Mei 2008
Jeram Toi, Jelebu

Gunung Angsi

5 Julai 2008
Hutan Lipur Ulu Bendul

Hadiah Setiap Kategori

1. RM400+hamper
2. RM300+hamper
3. RM200+hamper
4. RM50+hamper
5. RM50+hamper
6. RM50+hamper
7. RM50+hamper
8. RM50+hamper
9. RM50+hamper
10. RM50+hamper

Yuran Penyertaan

Terbuka RM 10
Remaja RM5

Pendaftaran

7 pagi – 9 pagi

Waktu Pertandingan

9.30 pagi

Pertanyaan

Unit Penggalakan Pelancongan	06-763 5388
Pejabat Daerah Rembau	06-685 1225
Pejabat Daerah Tampin	06-442 1229
Pejabat Daerah Jelebu	06-613 6311
Pejabat Daerah Kuala Pilah	06-481 4155

Sekretariat

Unit Perancang Ekonomi Negeri MENDAKI N9	06-765 9967
	Tel : 06-763 4830
	Fax: 06-763 4830

KATEGORI

TERBUKA LELAKI
TERBUKA WANITA



REMAJA LELAKI *
REMAJA WANITA*



**had umur 13-21 tahun*

MAKLUMAT PERIBADI

Nama	<input type="text"/>	Umur	<input type="text"/>	Jantina	<input type="text"/>
Alamat	<input type="text"/>	Agama	<input type="text"/>	Bangsa	<input type="text"/>
	<input type="text"/>	Warganegara	<input type="text"/>		
No. k/p	<input type="text"/>	Telefon	<input type="text"/>	Fax	<input type="text"/>
Tarikh Lahir	<input type="text"/>	E-mail	<input type="text"/>		

MAKLUMAT PENJAGA/WARIS

Nama	<input type="text"/>	Alamat	<input type="text"/>
Hubungan	<input type="text"/>	Telefon	<input type="text"/>

SERAHKAN SEMULA BORANG INI SEMINGGU SEBELUM TARIKH PERTANDINGAN SESUATU SIRKIT KEPADA PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH ATAU HANTAR TERUS KE SEKETARIAT MELALUI FAX. YURAN PENDAFTARAN PERLU DIJELASKAN KE URUSETIA PADA HARI PERTANDINGAN.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- Pertandingan terbuka kepada semua warga negara dan bukan warganegara.
- Penyertaan harus menggunakan borang penyertaan yang disediakan
- Peserta mestilah sihat tubuh badan
- Penyertaan mengikut had umur ditetapkan
- Peserta harus menggunakan pakaian yang sesuai (selipar, sandal dsb. tidak dibenarkan)
- Lokasi pertandingan adalah seperti yang ditentukan oleh penganjur
- Semua urusan perbelanjaan pengangkutan, penginapan dan makan minum tidak disediakan sepanjang pertandingan
- Peserta dilarang merosakkan alam sekitar semasa dan selepas pertandingan
- Peserta perlu bertanding mengikut had umur yang telah ditetapkan iaitu umur pada hari pertandingan
- Peserta kategori remaja mesti mendapat kebenaran daripada ibubapa/penjaga
- Penganjur berhak menolak penyertaan peserta yang lewat daftar
- Keputusan pertandingan adalah muktamad
- Segala bantahan keputusan perlu disertakan RM100 beserta surat bantahan dalam masa 1 jam selepas pertandingan
- Perlindungan insurans kemalangan diri adalah dibawah tanggungan peserta.

UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- Peserta perlu hadir sendiri untuk mengesahkan pendaftaran di urusetia sebelum pertandingan bermula
- Peserta perlu menghadiri taklimat akhir sebelum pertandingan dimulakan
- Peserta wajib memakai nombor bip yang akan diserahkan pada hari pertandingan
- Peserta akan di lepaskan mengikut penyertaan setiap kategori
- Peserta perlu mengikut laluan disediakan dan tiba di setiap 'check point' yang ditetapkan
- Peserta dilarang mengubah tandaan laluan yang disediakan penganjur
- Peserta dilarang melakukan sabotaj kepada peserta lain.
- Pemenang akan ditentukan berdasarkan peserta yang terawal tiba di garisan penamat
- Penganjur berhak dari masa ke semasa mengubah undang-undang pertandingan tanpa sebarang notis bertulis.
- Peserta yang melanggar peraturan akan dibatalkan penyertaannya.

SISTEM MATA HADIAH UTAMA

- Pemenang setiap sirkit akan diberikan mata mengikut kedudukannya bagi setiap pertandingan
 - Jumlah mata akan dikumpulkan sehingga kesemua 4 sirkit selesai
 - Jumlah mata terkumpul yang tertinggi layak menerima hadiah keseluruhan pada sirkit yang terakhir
 - Jumlah mata bagi setiap sirkit adalah seperti berikut;
- | | |
|-------------------|---------|
| Tempat Pertama | 10 mata |
| Tempat Kedua | 8 mata |
| Tempat Ketiga | 6 mata |
| Tempat Keempat | 4 mata |
| Tempat Kelima | 2 mata |
| Tempat Keenam | 1 mata |
| Tempat Ketujuh | 1 mata |
| Tempat Kelapan | 1 mata |
| Tempat Kesembilan | 1 mata |
| Tempat Kesepuluh | 1 mata |

NOTIS PELEPASAN RISIKO DAN TANGGUNGAN

TERMA DAN SYARAT

Dengan menyerahkan borang penyertaan ini di dalam SIRKIT CABARAN MENDAKI GUNUNG NEGERI SEMBILAN, saya mengisytiharkan bahawa saya sihat dari segi fizikal dan mental untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan.

Saya memahami bahawa semasa pertandingan berlangsung, saya akan terdedah kepada keadaan cuaca dan fizikal mukabumi yang tidak menentu bergantung kepada lokasi pertandingan dijalankan seperti perbezaan ketinggian altitud, laluan berisiko, peralihan cuaca dan perbezaan sekitaran kehidupan.

Saya mengetahui bahawa aktiviti mendaki gunung adalah aktiviti ekstrim yang terdedah kepada risiko kecederaan atau kematian dan dengan menandatangani borang penyertaan ini, saya bersetuju bahawa penganjur, petugas aktiviti dan penyedia perkhidmatan sokongan lain tidak akan dipertanggungjawabkan di atas sebarang kecederaan atau kematian yang berlaku sebelum, semasa atau selepas pertandingan.

Berdasarkan pertimbangan sekiranya penyertaan saya telah disahkan, dengan ini saya menyedari tentang sebarang risiko yang boleh berlaku secara langsung atau tidak langsung dan tidak akan mengubah perjanjian ini sekiranya berlaku sesuatu perkara yang melibatkan perubahan jadual, kelewatan perjalanan, kehilangan harta benda, bencana alam dan sebarang kerugian. Penganjur juga mempunyai hak untuk merancang, melaksanakan atau mengubah terma dan syarat ini dari masa ke semasa tanpa sebarang notis bertulis.

Apabila anda dan penjaga anda telah menandatangani notis pelepasan risiko dan tanggungan ini, penganjur SIRKIT CABARAN MENDAKI GUNUNG NEGERI SEMBILAN beranggapan bahawa anda dan penjaga anda telah membaca, memahami dan menerima semua syarat dan terma.

TANDATANGAN PESERTA

Nama

Tarikh

TANDATANGAN PENJAGA (sekiranya kategori remaja)

Nama

Tarikh